

MRSA lonjak penyelidikan

Oleh **KAMIL MASLIH**

pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 1 NOV.**

PENGANJURAN *Malaysia's Rising Star Award* (MRSA) yang melibatkan kerjasama dua agensi pengindeksan antarabangsa merupakan cerminan komitmen Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melonjakkan lagi bidang penyelidikan di negara ini.

Anugerah bertaraf antarabangsa itu merupakan hasil kerjasama erat antara kementerian dengan dua agensi berkenaan, Clarivate Analytics dan Elsevier.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, penganjanan anugerah itu merupakan sebahagian daripada peranan kementerannya dalam melestarikan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti.

“Kita ada pihak ketiga yang memberitahu bahawa di Malaysia ada penyelidik bertaraf dunia, malah kita antara terbaik dalam satu peratus di dunia.

“Lima universiti penyelidik kita juga merupakan antara satu peratus terbaik di dunia, ini adalah testimoni kejayaan kita yang meningkat dari semasa ke semasa,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis anugerah itu di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching; Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nor; Pengarah Serantau ASEAN Elsevier, Jo-An Chia serta Pengarah Harta Intelek dan Sains ASEAN Clarivate Analytics, John Langton.

Secara keseluruhannya, seramai 20 penyelidik diiktiraf dalam majlis anugerah berkenaan yang mengukur kejayaan penyelidik-penyelidik negara mencapai prestasi cemerlang tahap dunia.

Dalam majlis itu juga, dua universiti iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) turut dinobatkan



IDRIS JUSOH

anugerah *Reuters Top 75: Asia's Most Innovative Universities*.

Bersempena majlis itu juga, sebanyak 18 jurnal ilmiah tempatan telah terpilih sebagai penerima Skim Galakan Penerbitan (CREAM) kerana memperlihatkan prestasi tinggi dalam pangkalan data antarabangsa

seperti *Web Of Science (WoS)* dan *Scopus*.

Dalam pada itu, menurut salah penerima anugerah MRSA, **Prof. Ir. Dr. Siti Kartom Kamarudin** dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau amat menghargai usaha pihak kementerian dalam memberi penghargaan kepada golongan akademik dan penyelidik.

Dalam majlis tersebut, Siti Kartom meraih dua anugerah iaitu *Clarivate Analytics Highly Cited Review* dan *Malaysia's Highly Cited Researcher named amongst the World's Most Influential Scientific Minds 2015*.